



B I L I K P E N Y A I R

PASIR DAN BUIH

KHALIL GIBRAN

TERJEMAHAN

Karim Mohd



Kuala Lumpur
2022

PASIR DAN BUIH

Khalil Gibran

Penterjemah: Karim Mohd

Terjemahan sah daripada karya berbahasa Inggeris Sand and Foam (1926). Karya ini sudah menjadi hak awam pada tahun 1982, maka tidak diperlukan izin pemegang hakcipta/penerbit/pengarang.

Diterbitkan oleh:

Penerbitan Bilik Penyair

(003191346-A)

961-7 Jalan Dewan Bahasa

50460 WP Kuala Lumpur

Disokong oleh:

penjana

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara



Terjemahan © Karim Mohd

Penerbitan © Bilik Penyair

Hakcipta terpelihara. Kecuali petikan pendek bagi tujuan ulasan, semua pihak tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian tulisan, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam bentuk apa jua dan dengan apa jua cara sebelum mendapat izin bertulis daripada Bilik Penyair dan penterjemahnya.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Gibran, Khalil, 1883-1931

PASIR DAN BUIH / KHALIL GIBRAN ; TERJEMAHAN Karim Mohd.

ISBN 978-967-18776-2-3

1. English poetry--Translations into Malay.

2. Poetry.

I. Karim Mohd., 1997-.

II. Judul.

III. Judul: Terjemahan daripada: Sand and Foam.

821

Cetakan Pertama, Ogos 2022

Lakaran susuk Khalil Gibran (hlm. 66) oleh Asyiqin M. Zin

Dicetak oleh:

Vivar Printing Sdn. Bhd.

Selangor, Malaysia.



I

Kususuri selalu pesisir pantai ini,
di antara pasir dan buih,
air pasang akan menghapus jejak-jejak kaki,
angin kencang akan menghembus buih pergi.
Namun laut dan pantai tetap selamanya
abadi.

*

Pernah sekali aku menggenggam kabus.
Kemudian kubuka dan ah, menjelma seekor cacing.
Kututup dan kubuka lagi tangan,
dan lihatlah, muncul seekor burung.
Kemudian kututup dan kubuka lagi, di dalamnya berdiri
seseorang berwajah muram, menengadah ke langit.
Kemudian tangan kugenggam kembali,
apabila kubuka, tiada apa-apa selain kabus.
Namun kudengar nyanyian melangkaui kemerdekaan.

*

Sehingga kelmarin aku fikir diriku ialah serpihan yang gemetar tanpa irama dalam semesta kehidupan. Kini aku tahu, akulah semesta itu dan seluruh kehidupan ialah jutaan serpihan irama, berlegar di dalam diriku.

*

Dalam jaga mereka berkata,
“Engkau dan dunia yang kaudiami tak lebih daripada sebutir pasir di pantai tak bertepi samudera tak berbatas.”
Dan dalam mimpi aku berkata kepada mereka,
“Akulah samudera tak berbatas dan seluruh isi dunia cuma butir-butir pasir di pesisir pantaiku.”

*

Hanya sekali mulutku terkunci.
Ia saat seseorang bertanya, “Engkau siapa?”

*

Gagasan pertama Tuhan ialah malaikat.
Ungkapan pertama Tuhan ialah manusia.

*

Kita adalah makhluk yang gelear, keliaran, gelintar, selama ribuan tahun sebelum samudera dan angin belantara mengajarkan kita kata-kata.
Sekarang bagaimana akan diungkapkan hari-hari purba dalam diri kita, dengan sekadar gema hari-hari sebelumnya?

*

Cuma sekali Sphinx bicara dan ia berkata,
“Sebutir pasir ialah sahara dan sahara ialah sebutir pasir;
kini marilah kita berdiam kembali.”
Aku dengar Sphinx bicara, hanya tidak mengerti saja.

*

Lama nian aku baring di debu Mesir,
diam dan tanpa sadar musim bertukar.
Kemudian matahari melahirkanku,
bangun aku berjalan menyusuri Sungai Nil,
bernyanyi sepanjang siang bermimpi sepanjang malam.
Kini mentari menginjak ribuan tapakan
membenamkan aku lagi ke dalam debu Mesir.
Namun saksikanlah sebuah keajaiban dan teka-teki!
Matahari yang membentukku tak dapat menyerakkanku.
Aku tetap tegak berdiri dan kakiku melangkah lagi
menyusuri Sungai Nil.

*

Ingatan ialah suatu pertemuan.

*

Lupa ialah suatu kebebasan.

*

Kita mengukur waktu menurut peredaran matahari
tak terkira sementara mereka menyukat waktu
mengikut alat kecil dalam saku baju.
Sekarang katakan padaku, bagaimana dapat kami bertemu
di sama tempat dan sama waktu?

*

Angkasa bukanlah ruang di antara bumi dan matahari
buat mereka yang melihat melalui jendela Bima Sakti.

*

Kemanusiaan ialah sungai cahaya
mengalir dari keabadian ke keabadian yang lain.

*

Tidakkah para malaikat yang berlegar di kayangan
cemburu terhadap manusia dan deritanya?

*

Dalam perjalanan menuju Kota Suci, aku bertemu seorang
pengembara lalu kutanyakan padanya,
“Benarkah ini jalan ke arah Kota Suci?”
Dan dia berkata, “Ikutilah aku dan kau akan tiba
ke Kota Suci sehari semalam.”
Lalu aku mengekorinya. Dan kami telah berjalan
melewati siang melewati malam
namun masih belum tiba di Kota Suci.
Hal yang memeranjatkan ialah pengembara itu berangkat
terhadapku kerana dia telah menyesatkanku.

*

Wahai Tuhan, jadikan daku mangsa sang singa
daripada Kau jadikan si kelinci itu mangsaku.

*

Engkau tidak akan tiba ke dinihari
tanpa berjalan menyeberangi malam.

*

Rumahku berkata, “Jangan tinggalkan daku,
kerana di sini tinggal masa silammu.”

Dan jalanan berkata, “Kemari dan ikutilah daku,
kerana daku ialah masa depanmu.”

Dan aku berkata kepada keduanya, “Aku tak punya
masa silam, juga masa depan. Jika aku kekal tinggal,
ada keberangkatan dalam keberadaanku; dan jika aku
berangkat ada yang kekal tinggal dalam keberangkatanku.
Cinta dan maut saja bakal menentukan segala.”

*

Mustahil aku hilang percaya terhadap kesaksamaan hidup
tatkala mimpi mereka yang tidur beralas kapas tak lebih
indah daripada mimpi mereka yang tidur beralas tanah?

Aneh, hasrat terhadap nikmat tertentu
adalah sebahagian kepedihanku.

*

Sudah tujuh kali aku mencemuh jiwaku:

Kali pertama saat aku lihat ia merendah diri
supaya berasa tinggi.

Kali kedua saat aku lihat ia terhincut-hincut berjalan
di hadapan si tempang.

Kali ketiga saat ia diberi peluang memilih
antara yang payah dan mudah, lantas ia memilih mudah.

Kali keempat saat ia berbuat silap, lalu menenangkan dirinya dengan fikiran bahawa semua orang pun melakukan kesilapan.

Kali kelima ketika ia bersabar dek kelemahan, lalu mengaitkan kesabarannya dengan ketabahan.

Kali keenam ketika ia mencemuh hodoh seraut wajah, tapi bukankah itu salah satu topengnya sendiri?

Dan kali ketujuh ketika ia mendendangkan lagu pujian, menganggap itu suatu kebajikan.